



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 Julai 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT
SULONG BERHUBUNG PEMBENTANGAN MAKLUM LAPORAN
PAC PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION OLEH JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DI BAWAH KEMENTERIAN
KEWANGAN**

- 1) Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Selasa depan, 16 Julai 2019.

- 2) Laporan itu sudah dimuktamadkan secara sebulat suara oleh 13 ahli PAC Parlimen pada hari ini dalam Mesyuarat Verifikasi Laporan PAC Parlimen yang dihadiri ahli-ahli PAC Parlimen.

- 3) Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana semua ahli-ahli PAC Parlimen sama ada daripada pihak Kerajaan dan pembangkang dapat mencapai keputusan sebulat suara dalam menyiapkan laporan ini khususnya, untuk perkara rumusan dan syor berhubung tuntutan tunggakan GST berjumlah RM19.4 bilion.
- 4) Saya perlu akui ia adalah satu prosiding yang lama apabila PAC Parlimen mengambil masa selama 11 bulan bermula 15 Ogos 2018 untuk menyiapkan laporan ini dengan mengadakan 10 mesyuarat prosiding membabitkan 10 saksi termasuk Mantan Menteri Kewangan, Menteri Kewangan, Mantan Menteri Kewangan II, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Akauntan Negara.
- 5) Selain itu, PAC Parlimen juga mendapat taklimat daripada Jabatan Audit Negara (JAN) sebanyak tiga kali serta mendapat pandangan daripada Jabatan Peguam Negara selain mengadakan mesyuarat penyediaan laporan ini, sebanyak empat kali.
- 6) Bilangan mesyuarat itu cukup membuktikan bahawa PAC Parlimen mahu memastikan siasatan diadakan daripada setiap aspek dalam mencari kebenaran dan keadilan berhubung isu ini demi kepentingan negara dan rakyat.
- 7) Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Mantan Pengerusi PAC Parlimen, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang memulakan siasatan serta prosiding dengan meletakkan asas kepada PAC Parlimen dalam mengadakan siasatan dan prosiding terhadap isu ini.

- 8) Dalam menyediakan laporan ini, PAC Parlimen turut mendapat input daripada tujuh kementerian dan jabatan iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHE), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Audit Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Akauntan Negara.
- 9) Laporan ini amat komprehensif dan input, pandangan serta maklum balas daripada ketujuh-tujuh kementerian dan jabatan yang bertindak sebagai *ex officio* PAC Parlimen amat penting dalam memastikan segala maklumat, rumusan serta syor dalam laporan tidak menyebelahi mana-mana pihak serta berasaskan fakta yang sahih dan tepat.
- 10) Selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, orang ramai boleh mendapatkan laporan ini dengan memuat turunnya daripada laman web PAC Parlimen di alamat www.parlimen.gov.my/pac pada hari yang sama ia dibentangkan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia